

PROGRAM PEMBIAYAAN RENTAS SEMPADAN BUMIPUTERA (BFF)



TERAJU
PENERAJU BUMIPUTERA

Program Pembiayaan Rentas Sempadan Bumiputera (BFF) merupakan satu program pembiayaan khas antara EXIM Bank Malaysia dengan kerjasama Unit Peneraju Bumiputera (TERAJU) untuk menyediakan modal kerja bagi pengeksporth Bumiputera yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti eksport dan import.



01 Kelayakan

- Minima 60% pegangan saham Bumiputera dalam syarikat.
- Bukan anak syarikat kepada syarikat Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau Perbadanan Multinasional (MNC).
- Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan adalah Bumiputera.
- Majoriti pihak pengurusan tertinggi syarikat adalah Bumiputera.
- Syarikat mestilah syarikat Bumiputera yang sedang mengeksport atau mempunyai kapasiti untuk mengeksport.
- Berdaftar dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
- Berjaya mendapatkan atau membida projek di luar negara; dan
- Memenuhi kriteria kredit yang ditetapkan oleh pihak EXIM Bank.

02 Produk

Selaras dengan sebarang produk pembiayaan Islam yang ditawarkan oleh pihak EXIM Bank yang sedia ada.

03 Kontrak/Konsep Syariah

Sebarang kontrak/konsep Syariah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah EXIM Bank.

04 Kadar Pembiayaan

Kos Pendanaan-i (COF-i) + Margin – Subsidi*

*Subsidi adalah tertakluk kepada kuasa melulus EXIM Bank

05 Tempoh Kelulusan Permohonan

9 Februari 2022 – 9 Februari 2024

06 Saiz Program

RM200 juta diperuntukkan secara agregat untuk Syarikat Pengeksporth Bumiputera.

07 Fi dan Caj

Seperti fi dan caj standard untuk produk perbankan Islam EXIM Bank yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.